

INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE (IJHPL)www.ijhpl.comTAHAP PENGUASAAN LITERASI BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN MASYARAKAT AWAM DI SABAHLEVEL OF PROFICIENCY ARABIC LANGUAGE AMONG PUBLIC
COMMUNITY IN SABAHNor Ain Manap^{1*}, Saini Ag. Damit², Asiah Abas³, Noorafini Kassim⁴¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: ain@ums.edu.my² Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saini@ums.edu.my³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: asiahabas@ums.edu.my⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: noorafini@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 12.02.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 02.03.2022

Published date: 07.03.2022

To cite this document:

Manap, N. A., Ag. Damit, S., Abas, A., & Kassim, N. (2022). Tahap Penguasaan Literasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Masyarakat Awam Di Sabah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (17), 33-40.

DOI: 10.35631/IJHPL.517003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kemahiran literasi menjadi satu kemahiran yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh seseorang individu terutamanya masyarakat awam di Sabah. Kemahiran mengenal atau celik huruf inilah yang dikenali sebagai kemahiran literasi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan literasi bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam di Sabah. Metod kajian adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data yang dibuat melalui edaran soal selidik, temu bual bersama responden yang terdiri daripada pengajar dan pelajar terpilih, serta pemerhatian dalam kelas iaitu ketika sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Arab dijalankan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab adalah sederhana dengan bacaan skor min 3.39. Kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memperkemas dan memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam di Sabah.

Keywords:

Penguasaan Literasi, Bahasa Arab, Masyarakat Awam, Sabah

Abstract:

Literacy skills are a very important skill and must be mastered by an individual, especially the public in Sabah. This skill of recognizing or literacy is known as literacy skills. The objective of this study is to identify the level of Arabic literacy among the general public in Sabah. The research method is qualitative by using data collection methods made through the distribution of questionnaires, interviews with respondents consisting of selected instructors and students, as well as observations in the classroom during the Teaching and Learning (PdP) session of Arabic. The results showed that the level of Arabic language proficiency was moderate with a mean score reading of 3.39. This study will benefit those responsible for streamlining and strengthening the teaching and learning of Arabic among the public in Sabah.

Keywords:

Level of Literacy, Arabic Language, Civil Society, Sabah

Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa penting yang terus menjadi popular dan berkembang maju. Ianya dikelompokkan dalam bahasa-bahasa semitik dan merupakan salah satu bahasa yang tertua. Penutur bahasa Arab di seluruh dunia adalah dianggarkan melebihi 422 juta. Selain itu, bahasa Arab juga merupakan bahasa rasmi bagi 22 negara-negara Arab (UNESCO, 2017). Kini, bahasa Arab telah menjadi salah satu bahasa penting dunia. Fungsi dan peranan bahasa Arab dalam era globalisasi kini semakin bertambah. Dunia tanpa sempadan kini menjadikannya bahasa komunikasi dalam pelbagai bidang utama seperti bidang ekonomi, bidang politik, mahupun bidang sosial (Zainur Rijal dan Rosni Samah, 2007).

Bahasa Arab terus berkembang secara aktif dan diajarkan kepada masyarakat bagi tujuan untuk memahami Islam serta menunaikan ibadah (Rosni 2009). Sehingga kini, dapat dilihat bahawa penggunaan dan kepentingan bahasa Arab ini adalah menjadi sangat meluas. Dalam aspek kehidupan seharian pula, bahasa Arab yang dahulunya digunakan dalam upacara keagamaan kini mula menjadi sebahagian pertuturan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Pembelajaran bahasa Arab juga mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan di semua peringkat samaada formal ataupun tidak formal. Kini, bahasa Arab bukan sahaja diajar di sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi, malahan ianya turut mendapat perhatian masyarakat awam untuk menguasainya secara tidak formal di pusat-pusat bahasa, surau dan juga masjid.

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan dan manfaat bahasa Arab adalah sangat berpengaruh dan mustahak dalam kehidupan terutamanya kepada orang muslim. Kesedaran terhadap kepentingan ilmu bahasa Arab mula mendapat perhatian yang besar dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan dewasa bagi memudahkan pemahaman agama, seterusnya dapat mereka aplikasikan dalam urusan kehidupan seperti ibadah, komunikasi dan sebagainya (Farhana Idris & Munirah Azrae, 2015). Dengan demikian, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu diperluaskan dan diperkasakan lagi kepada masyarakat umum khususnya yang melibatkan tujuan-tujuan tertentu dan tidak sewajarnya hanya tertumpu pada kelompok yang berada di institusi pendidikan sahaja Ahmad Farid et al (2019). Pemerksaan proses

pembelajaran ini merangkumi persepsi masyarakat awam dari aspek minat, kesedaran dan sikap serta tahap penguasaan masyarakat awam dalam bahasa Arab.

Sorotan Literatur

Penguasaan atau kemahiran bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam khususnya adalah sangat penting kerana ianya memudahkan seseorang untuk memahami serta mendalami intipati kitab al-Quran dan hadith Nabi saw (Hassan Basri & Ahmad Zailani, 2005).

Selain itu, ia dapat membantu seseorang individu untuk memahami maksud atau terjemahan bagi setiap bacaan di dalam solat, doa-doa, wirid, zikir dan sebagainya (Naimah et.al, 2009). Kajian Mohd Puzhi (2010) mendapati bahawa walaupun bacaan-bacaan ini dibaca setiap hari, namun sebahagian besar umat Islam masih tidak tahu pengertiannya yang sebenar. Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Shahrizal Nasir et al. (2015), majoriti masyarakat awam telah mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab, akan tetapi penguasaan terhadap bahasa tersebut kurang diberikan tumpuan. Tumpuan kepada tahap penguasaan hanya melibatkan kumpulan pelajar yang mengikuti sistem pembelajaran formal, dan bukannya kepada masyarakat awam.

Md Noor et al. (2016) telah mengkaji tentang tahap penguasaan masyarakat awam dalam bahasa Arab yang meliputi empat kemahiran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kemahiran mendengar adalah lebih baik berbanding dengan kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan masyarakat awam sering mendengar bacaan-bacaan yang diungkapkan dalam ibadah seperti solat, haji dan sebagainya. Selain itu, penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam juga berada pada tahap yang rendah disebabkan tujuan utama masyarakat awam mempelajari Bahasa Arab adalah kebanyakannya untuk tujuan ibadah, bukannya tujuan komunikasi atau pertuturan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Zawawi Ismail et al. (2011), kebanyakan pelajar yang mempelajari bahasa Arab merasa sukar untuk menguasai kemahiran bertutur berbanding dengan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Hal ini sedemikian kerana pelajar tidak dibenarkan mengulang mahupun menyunting semula perkara yang dituturkan. Sebaliknya, dalam penulisan pelajar boleh mengulang semula atau menyunting apa yang ditulis. Atas sebab inilah mereka menganggap kemahiran bertutur adalah kemahiran bahasa yang paling susah untuk dikuasai.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan sorotan literatur, terdapat jurang kajian tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam di Sabah. Ia perlu diukur kerana kebanyakan kajian menjurus kepada pelajar kursus bahasa Arab UMS ataupun pelajar sekolah rendah dan menengah sahaja. Serta kebanyakan kajian adalah menjurus kepada kursus al-Quran bukannya bahasa Arab. Sedangkan bahasa Arab itu sudah mendarah daging dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Sabah sejak kecil lagi.

Tahap penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan masyarakat awam di Sabah juga penutur diuji kerana Sabah negeri kedua terbesar di Malaysia dan mempunyai banyak daerah bermula daripada kawasan pantai timur, barat dan pedalaman atas serta bawah. Bahasa Arab merupakan bahasa utama dalam ibadah setiap umat Islam di seluruh dunia termasuklah Malaysia tidak ketinggalan di Sabah. Hanya bahasa Arab yang diterima sebagai bacaan ketika

menunaikan solat. Manakala ibadah lain seperti doa dan zikir dibolehkan menggunakan pelbagai bahasa yang mudah dan difahami. Mempelajari sesuatu bahasa pelajar lazimnya kenal dan tahu perkataan yang dibaca, tetapi mereka tidak mampu untuk memahami isi kandungan pembacaan mereka (Gouin) dalam (Kern, 2000).

Objektif Kajian

Kajian rintis ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan literasi bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam di beberapa daerah di Sabah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian lapangan melalui set soal selidik, temu bual dan pemerhatian dalam kelas. Soal selidik yang digunakan untuk mengukur kemahiran bahasa adalah soal selidik yang diadaptasi dan dimodifikasi daripada kajian Noorafini Kassim (2016) dan Shahrudin et al. (2017).

Soal selidik kajian menggunakan pilihan aneka jawapan dalam bentuk skala likert-5 iaitu; sangat setuju, setuju, agak setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Soal selidik kajian adalah soalan tertutup kerana lebih mudah mendapat keseragaman jawapan dalam kalangan responden.

Selain daripada itu, sesi temu bual berstruktur turut dijalankan bersama lapan orang responden yang terdiri daripada pengajar dan pelajar terpilih untuk mendapatkan dapatan sokongan kajian. Kaedah temu bual berstruktur diadaptasi daripada Noorafini Kassim (2016) dan Shahrizal Nasir et al. (2015).

Kaedah pemerhatian pula dilakukan ketika sesi PdP bahasa Arab dijalankan dalam kelas. Kaedah pemerhatian terhadap sesi pembelajaran dijangka boleh menjadi bahan rujukan penting dalam kajian ini terutamanya dalam konteks tingkah laku dan persepsi peribadi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta yang mengkehendaki penyelidik berfungsi sebagai pemerhati tanpa mencampuri tingkah laku unit sosial iaitu pelajar bahasa Arab dan proses PdP yang sedang dijalankan. Dapatan kajian yang diperolehi daripada sesi temu bual dan pemerhatian disusun mengikut tema soalan sebagai data sokongan untuk dapatan kuantitatif.

Persampelan

Responden kajian terdiri daripada masyarakat awam dari pelbagai peringkat umur yang terdiri di antara 12 tahun sehingga 72 tahun. Soal selidik telah diedarkan kepada 256 orang responden dalam kalangan kumpulan sasaran iaitu masyarakat awam yang mengikuti kelas atau kursus bahasa Arab di beberapa bahagian utama di negeri Sabah. Pemilihan sampel dilakukan berdasarkan daerah yang menawarkan kursus bahasa Arab di Sabah sahaja.

Kajian ini dilaksanakan di lapan buah daerah di negeri Sabah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kota Belud, Ranau, Kota Kinabalu, Putatan, Tuaran dan Papar sahaja. Daerah lain di Sabah tidak terlibat kerana tidak ada kursus bahasa Arab ditawarkan untuk masyarakat bagi jangka masa panjang ataupun pendek di sana. Kajian menemui satu kursus bahasa Arab jangka pendek di daerah Kudat namun ianya telah berlalu.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Data kuantitatif yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* (SPSS Versi 21) bagi mendapatkan analisis statistik untuk analisis min dan sisihan piawai. Analisis min dan sisihan piawai digunakan untuk mengetahui tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian membahagikan min kepada lima tahap skor min seperti yang dipamerkan.

Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Tahap
4.21 - 5.00	Sangat tinggi
3.41 - 4.20	Tinggi
2.61 - 3.40	Sederhana
1.81 - 2.60	Rendah
1.00 - 1.80	Sangat rendah

Sumber: Alias Baba (1999)

Dapatan Kajian**Penilaian Skor**

Nilai min digunakan bagi meru muskan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden melalui jawapan soal selidik. Interpretasi skor min dibahagikan mengikut bahagian berikut:-

Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam di Sabah

Bagi variabel penguasaan bahasa Arab, hasil analisis item-item mendapati tahap penguasaan atau kemahiran masyarakat awam dalam bahasa Arab adalah sederhana sahaja dengan bacaan skor min 3.39. Aspek penguasaan yang dikaji adalah meliputi kefahaman dan kemahiran asas bahasa Arab. Julat skor min ini adalah merujuk kepada julat yang diinterpretasikan oleh Alias Baba (1999). Hasil analisis keseluruhan bagi keputusan skor min variabel ini boleh dirujuk seperti berikut:

Keputusan Skor Min Variabel Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam

Variabel	N	Sisihan Piawai	Min
Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam	256	0.55	3.39

Secara umumnya, hasil analisis min bagi item-item variabel penguasaan bahasa Arab memperjelaskan bahawa tahap penguasaan masyarakat awam adalah sederhana dan kurang memuaskan terutamanya dalam kemahiran asas mendengar dan bertutur. Mereka menghadapi kesukaran untuk mempelajari dan memahami apa yang dipertuturkan oleh pengajar dengan baik. Selain itu, mereka sukar untuk mengaplikasikan dan mempraktikkan bahasa Arab disebabkan persekitaran serta budaya penggunaan bahasa yang terbatas. Walau bagaimanapun, hasil dapatan mendapati bahawa masyarakat awam lebih mudah untuk menguasai dalam kemahiran asas membaca dan menulis dengan baik berbanding kemahiran asas mendengar dan

bertutur. Kebanyakan daripada mereka boleh menyebut dan membezakan huruf-huruf Arab serta membaca ayat bahasa Arab dengan baik.

Hasil temu bual juga memperjelaskan tahap kemahiran asas bagi keempat-empat kemahiran bahasa dalam kalangan masyarakat awam di Sabah juga adalah baik dan sederhana yang mana kemahiran mendengar dan bertutur juga adalah kemahiran yang paling sukar dikuasai. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab yang sedia ada memandangkan sejumlah besar individu yang menyertai kursus-kursus bahasa Arab ini mempunyai sedikit kemahiran asas bahasa Arab dan al-Quran. Masyarakat awam di Sabah terutamanya di kawasan pedalaman juga berpendapat bahawa mereka mampu menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan sekiranya terdapat lebih banyak kursus-kursus yang ditawarkan.

Perbincangan

Kajian ini secara dasarnya telah mengenal pasti tahap kemahiran atau penguasaan literasi bahasa Arab masyarakat awam daripada lapan daerah di Sabah.

Tahap Penguasaan Literasi Bahasa Arab

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam ini adalah sederhana. Masyarakat awam di Sabah mempunyai sikap dan persepsi yang positif terhadap bahasa Arab, namun tahap kemahiran asas yang mereka capai adalah pada tahap sederhana sahaja.

Antara faktor utama adalah, mereka tidak merancang strategi belajar terbaik untuk mencapai matlamat pembelajaran, kesukaran untuk mendapatkan kursus bahasa Arab serta bahan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan serta ketidakmampuan untuk mengaplikasikan bahasa Arab dalam kehidupan harian kerana kekurangan kosa kata ataupun persekitaran yang tidak membantu. Semua perkara yang dinyatakan ini adalah berkaitan motivasi dan efikasi sendiri.

Dalam kajian Bakar & Ismail (2011) ada menegaskan efikasi sendiri dan motivasi merupakan peramal terbaik dalam menentukan strategi pembelajaran bahasa dan merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa (MacIntyre, 1994). Oleh yang demikian, masyarakat awam perlu digalakkan untuk terlibat secara aktif untuk membina kefahaman bermakna semasa pembelajaran bagi kesemua kemahiran-kemahiran asas bahasa dan dibantu menggunakan strategi-strategi pembelajaran yang dapat membantu pengaliran maklumat baru secara berkesan ke dalam ingatan jangka panjang.

Kebanyakan mereka mempelajari bahasa Arab adalah atas kesedaran diri dan percaya mempelajari bahasa Arab adalah sesuatu yang sangat penting dan boleh memberi manfaat kepada terutamanya dalam aspek ibadah, memahami ayat al-Quran dan juga tujuan komunikasi. Walau bagaimanapun, ada diantara responden yang menghadapi masalah mempelajari dan menguasai beberapa kemahiran tertentu dan tidak mampu mengaplikasikan bahasa Arab dalam kehidupan harian. Oleh itu, masyarakat awam perlu menyedari penggunaan bahasa Arab secara rutin dalam kehidupan harian mereka supaya kepentingan pembelajaran bahasa Arab dapat diterjemahkan dalam pelaksanaan ibadah dan juga komunikasi misalnya (Shahrizal et al, 2015).

Selain itu, pemerhatian yang teliti harus dibuat agar bahan pembelajaran bahasa Arab adalah bersesuaian dengan keperluan usaha masyarakat awam mempelajari bahasa Arab. Adalah sangat penting untuk mengetahui tujuan atau kehendak masyarakat yang mempelajari bahasa Arab supaya objektif yang disasarkan adalah tepat dan berkesan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga perlu diperluaskan kepada masyarakat umum khususnya yang melibatkan tujuan-tujuan tertentu seperti yang telah disebutkan termasuklah umrah atau pelancongan serta untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Promosi bahan-bahan bacaan yang sesuai adalah perlu agar dapat membantu usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab. Pendekatan mengajar bahasa Arab secara umum tanpa menjurus kepada keperluan orang yang mempelajarinya hanya akan memberikan kesan negatif.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan, dapat dilihat kepentingan literasi bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam terutamanya yang beragama Islam di Sabah negeri di bawah bayu ini. Walaupun sampel tidak menyeluruh daripada setiap daerah di negeri Sabah, namun hasil kajian yang telah dijalankan secara empirikal ini dapat memberi gambaran dan banyak penemuan baru dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab kepada masyarakat awam di Sabah. Dapatan kajian ini dapat membantu penyelidik dan juga pihak-pihak yang berkaitan untuk menyediakan bahan bantu belajar bahasa Arab serta kaedah yang bersesuaian yang boleh digunakan kepada masyarakat awam mengikut keperluan mereka.

Tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat awam di Sabah adalah pada tahap yang sederhana kerana mereka yang mengikuti kursus bahasa Arab rata-ratanya telah mempunyai asas dalam al-Quran. Bagi meningkatkan lagi penguasaan ini pelbagai pihak perlu mengembleng tenaga bersama untuk menjayakannya. Majoriti mereka yang ingin mempelajari bahasa Arab juga adalah mereka yang ingin memahami bahasa Arab dalam ibadah seperti solat, doa dan zikir. Walau bagaimanapun, ada juga sebahagian kecil antara mereka yang telah menyedari keperluan mempelajari bahasa Arab sebagai medium pertuturan dan peluang pekerjaan pada masa akan datang. Semoga selepas ini, semakin banyak kursus bahasa Arab dapat dijalankan kepada masyarakat terutamanya bagi jangka panjang kerana masyarakat sangat memerlukan kursus ini di seluruh negeri Sabah, kerana ketika ini kursus bahasa Arab yang ditemui sangat terhad.

References

- A Chaedar Alwasilah. (2011). Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab. Bandung: Pt Remaja Rosdakarya.
- Ab. Halim Ismail. (2005). Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kaedah Komunikatif. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Halim Mohamad dan Wan Mohammad Wan Sulong. (2006). Antara Minat dan Sikap Pelajar terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian ke atas Pelajar Sarjana Bahasa Arab di Ipta Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal Of Islamic And Arabic Education* 2(1), 43-56.
- Ab. Rahim Ismail. (1994). Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua: Permasalahan dan Penyelesaian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Rahim Ismail. (2004). *Al-Lughah al-arabiyyah: Dawruha wa makanatuha fi al- hadir wa al- mustaqbal*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abbas Pourhosein Gilakjani, Lai-Mei Leong dan Narjes Banou Sabouri. (2012). A study on the Role of Motivation in Foreign Language Learning and Teaching. *International Journal of Modern Education and Computer Science*.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2002). Agenda perubahan pendidikan Sains Sosial dalam mengharungi alaf baru. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd. Rahim Abd Rashid. (2001). Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd Rashid. (2002). Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial, Teori dan Amalan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2005). Profesionalisme keguruan prospek dan cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Mohamed. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan, M. A. M., & Ghazali, Z. (2018). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dan Efikasi Kendiri: Kajian Ke Atas Pelajar Universiti di Semenanjung Malaysia. *Sarjana*, 26(1), 81-99.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan Nordiana Mohd Nor (2007). Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Prestasi Pencapaian Akademik. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Master.
- Bakar, Z. A., & Ismail, N. H. A. (2011). Persepsi Dan Sikap Pelajar Terhadap Pendekatan Konstruktivisme Serta Kesan Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Matematik Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Journal Of Science And Mathematics Educational*, 3, 92-107.
- Kassim, N., Damit, S. A., & Taat, M. S. (2017). Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal'Ulwan*, 2 (1), 125-142.
- Mukhtar, M. Z., & Muhammed, I. (2012). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam*, 3-6.
- Nasir, M. S., Yahaya, M. F., & Sahrir, M. S. (2013). Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam. In *Conference: Malaysia International Conference on Foreign Languages (MICFL 2013)* (Vol. 1).